

## MPK beri khidmat terbaik

Majlis Perbandaran Kuantan (MPK), sentiasa berusaha merapatkan hubungan dengan masyarakat setempat untuk memberikan perkhidmatan terbaik.

Yang Dipertua MPK Datuk Fadzilla Salleh berkata, kerjasama itu penting kerana ia membantu menangani permasalahan atau isu dibangkitkan dapat diselesaikan secara berhemah.

Katanya, pendekatan MPK itu lebih kepada mengadakan pelbagai program kemasyarakatan seperti gotong-royong

dan khidmat komuniti termasuk penyediaan kaunter bergerak.

“Sebagai contoh, MPK mengadakan program gotong-royong di Pasar Taman Tas, di sini, baru-baru ini, iaitu mengecat pasar dan pemangkasan pokok yang membahayakan keselamatan.

“Program ini lebih kepada mendekatkan masyarakat setempat dengan MPK dan ia diyakini dapat mencapai objektifnya,” katanya ketika mempengerusikan Mesyuarat Penuh MPK, di sini, semalam.